

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : UPACARA PERASMIAN BENGKEL PENGANGKATAN KE ARAH KELUARGA
BAHAGIA
Lokasi : HOTEL FEDERAL, KUALA LUMPUR
Tarikh : 05-01-1991

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Dif-dif Kehormat; Tuan-tuan dan puan-puan.

Saya mengucapkan tahniah kepada Majlis Kebajikan Kanak-kanak Malaysia atau MKKM kerana sekali lagi mengambil inisiatif menganjurkan bengkel mengenai masalah yang berkaitan dengan kanak-kanak. Bengkel yang bertema 'Pengangkatan - Ke Arah Keluarga Bahagia' ini menumpukan perhatian kepada masalah dan isu-isu berkaitan dengan nasib anak-anak malang yang terpaksa berpisah daripada keluarga kandung serta tinggal dengan keluarga angkat. Saya harap di akhir bengkel ini nanti Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, serta agensi-agensi lain yang terlibat dalam mengadakan bengkel ini akan mengambil tindakan konkrit bagi mempertingkatkan lagi kesedaran masyarakat dan akan terus berikhtiar membina hidup bahagia bagi anak-anak angkat di negara ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

2. Sejarah pengangkatan kanak-kanak di Semenanjung Malaysia telah bermula semenjak akhir Peperangan Dunia Kedua dengan tergalunya tiga undang-undang berkaitan dengan pengangkatan. Yang pertama ialah Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda 1947 yang berkuatkuasa mulai dari 22 Disember 1947, yang antara lain menitik-beratkan kesejahteraan kanak-kanak perempuan di bawah umur 14 tahun yang menumpang dengan keluarga angkatnya. Yang kedua ialah Akta Pengangkatan 1952 mula berkuatkuasa pada 25 Jun 1953, yang mempunyai peruntukan mengiktiraf anak angkat dalam keluarga bukan Islam. Akta ketiga ialah Pendaftaran Pengangkatan 1952 mula berkuatkuasa pada 1 Jun 1955 yang memberi pengiktirafan secara pendaftaran kepada semua kanak-kanak dalam keluarga pelihara termasuk anak pelihara dalam keluarga Islam.

Justeru itu, kita dapati undang-undang pengangkatan di- sudah wujud hampir setengah abad lamanya, iaitu dengan mengambilkira Ordinan Anak Angkat Bab 91 yang berkuatkuasa di Sarawak semenjak 1 Januari tahun 1942. Oleh kerana negara kita telah banyak melalui perubahan, kita sering mendengar rungutan daripada mereka yang berkecimpung dalam pemeliharaan anak angkat bahawa peruntukan undang-undang yang wujud tidak lagi dapat menampung keperluan masyarakat semasa.

3. Kanak-kanak masa kini menghadapi berbagai-bagai cabaran dalam hidup mereka, malahan terdapat mereka yang sering ter-ancam dan terpaksa melalui berbagai-bagai penderitaan di- bawah jagaan ibu bapa mereka sendiri atau penjaga yang seharusnya menjadi pelindung utama mereka. Di samping itu, terdapat pula orang-orang yang tidak berperikemanusiaan yang tidak teragak-agak mengeksploitasikan situasi serta menggunakan anak yang masih lemah bagi mendapatkan keuntungan bagi diri mereka sendiri. Misalnya, dalam beberapa tahun kebelakangan ini, kita sering mendengar berita akhbar mengenai bayi yang dilarikan daripada jagaan ibu yang baru melahirkan; bayi yang diseludup dari negara jiran serta bayi-bayi yang diperdagangkan seperti haiwan kepada keluarga-keluarga yang sangat-sangat memerlukan anak. Walau- pun ada yang dapat diselamatkan, tetapi mereka itu adalah segelintir sahaja daripada golongan anak yang menjadi mangsa dan terus terpisah daripada keluarga kandung. Bayi-bayi itu hidup terumbang-ambing kerana tindakan mengesan keluarga kandung mereka tidak mungkin berjaya dan usaha menentukan status kediaman di negara ini pula memakan masa yang

agak lama.

4. Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat terlibat secara langsung dalam urusan menempatkan kanak-kanak dalam keluarga angkat, mengawasi kemajuan mereka serta membimbing keluarga angkat supaya mengiktiraf pengangkatan serta membantu mereka yang menghadapi masalah kemudiannya.

Namun begitu, tugas-tugas Kementerian adalah tugas lanjutan, iaitu sebagai ekoran kepada tanggungjawab pegawainya selaku Pelindung di bawah Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda 1947 ataupun sebagai permulaan kepada tugas GUARDIAN AD LITEM yang biasanya dilantik khusus bagi menjaga kepentingan anak angkat bukan Islam dalam permohonan mengiktiraf pengangkatan yang dikemukakan ke mahkamah di bawah Akta Pengangkatan 1952.

5. Pengiktirafan anak angkat dalam keluarga Islam di Semenanjung yang dikendalikan mengikut Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 tidak pula melibatkan Pegawai Kebajikan Masyarakat, kecuali jika keluarga angkat menghadapi masalah dan meminta pertolongan daripada mereka.

Walau bagaimanapun, terdapat Pendaftar Anak Angkat yang menggunakan budi bicara merujuk permohonan mendaftar anak-anak angkat kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi mendapatkan kepastian tentang kedudukan keluarga angkat terutama bagi mereka yang diketahui pada mulanya telah memperolehi anak angkat melalui Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Tuan-tuan dan puan-puan,

6. Masyarakat biasanya menganggap proses memelihara anak angkat adalah perkara mudah iaitu sebagai satu pertemuan yang ditakdirkan di antara dua pihak bakal ibu bapa angkat yang memerlukan anak dan anak yang memerlukan keluarga.

Dengan pertemuan itu, pihak ketiga yang menemukan mereka akan berundur diri dan buruk baik nasib anak angkat bergantung penuh kepada layanan yang diberikan oleh ibu bapa angkat. Tidak sesiapa yang mengambil tahu masalah mereka seterusnya, terutama sekali jika anak angkat itu sudah besar semasa ditempatkan. Sekiranya keluarga angkat itu mempunyai anak kandung yang sebaya umurnya, atau jika ada ahli keluarga yang tidak berminat atau cemburu terhadap pendatang baru dalam keluarga itu, mungkin ianya akan menimbulkan ketegangan. Segala tindakan atau layanan yang diberikan secara ikhlas oleh ibu bapa angkat boleh disalah-tafsirkan sebagai tindakan berunsur pilih kasih. Ketiadaan kesepakatan di antara ahli keluarga berkenaan dengan pemeliharaan anak-anak angkat boleh membawa perbalahan dan jika berterusan boleh menjejaskan keharmonian dalam rumah-tangga itu.

Tuan-tuan dan puan-puan,

7. Pengangkatan biasanya hanyalah langkah memenuhi keperluan ibu bapa angkat kerana anak angkat itu tiada peluang untuk memilih ibu bapa angkat yang sesuai bagi diri mereka. Peruntukan undang-undang yang melantik seorang pegawai kebajikan di peringkat akhir supaya menyiasat permohonan mengiktiraf pengangkatan kanak-kanak bukan Islam belum dapat menjamin nasib mereka. Kedudukan mereka yang setara dan tiada perbezaan dengan anak kandung masih boleh menimbulkan masalah kerana ibu bapa angkat yang gagal memberi penerangan sering menyebabkan rahsia pengangkatan itu terbongkar sehingga menimbulkan kerunsingan kepada anak angkat.

8. Terdapat kes-kes yang dirujuk dan dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat sering menunjukkan masalah kanak-kanak yang akhirnya menjadi beban kepada keluarga angkat, iaitu setelah didapati yang anak angkat itu mempunyai kecacatan atau diterima secara terpaksa oleh keluarga angkat. Terdapat juga ibu bapa angkat yang hilang minat dan menyingkirkan anak angkatnya setelah berjaya mendapat anak kandung. Kebiasaannya, penderitaan anak angkat dalam keluarga itu akan berakhir hanya setelah diketahui oleh orang luar atau ahli keluarga itu sendiri mengembalikan anak angkat itu kepada keluarga asal ataupun menyerahkannya kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Tuan-tuan dan puan-puan,

9. Menyedari hakikat bahawa penerimaan daripada keluarga angkat serta penyesuaian anak dalam sesebuah keluarga itu adalah penting, maka adalah wajar jika setiap pengangkatan diteliti terlebih dahulu, mengambilkira minat serta keserasian di antara kedua-dua pihak. Langkah itu tidak mungkin berkesan tanpa pengawasan pegawai secara berterusan daripada peringkat awal lagi supaya ia dapat menumpukan perhatian, mengikuti perkembangan dan membantu anak angkat dan keluarganya dalam proses penyesuaian mereka.

10. Kita juga haruslah memikirkan soal keperluan anak angkat itu sendiri, terutama daripada segi keperluan men- getahui asal usulnya yang sebenar.

Tambahan pula, dalam keluarga angkat Islam, penerangan seperti itu digalakkan bagi mengelak daripada berlakunya perkara yang tidak diingini di antara anak angkat dengan keluarga kandung. Saya percaya ada di antara ibu bapa angkat yang merasa 'kasihan' terhadap anak angkat serta tidak yakin bahawa usaha memberi penerangan awal dan sikap berterus terang boleh membawa faedah atau membawa kesejahteraan kepada anak angkat. Saya difahamkan soal ini adalah di antara beberapa perkara yang akan dibincangkan dalam bengkel ini. Saya harap penganjur bengkel akan memberi peluang kepada peserta supaya membincangkannya bersama anak angkat yang pernah menghadapi situasi seperti itu. Mungkin perbincangan itu akan dapat meningkatkan ke- sedaran dan membolehkan kita menghayati perasaan mereka mereka dan dapat membantu kita dalam menghadapi suasana se- seperti itu kelak.

Tuan-tuan dan puan-puan,

11. Saya dapati juga topik perbincangan yang diatur dalam bengkel ini meliputi berbagai-bagai situasi dalam pengangkatan termasuklah situasi yang menimbulkan masalah daripada segi peruntukan undang-undang, prosedur mengiktiraf, tuntutan agama Islam, penerimaan dan penyesuaian dalam keluarga dan sebagainya. Walaupun bengkel ini menumpukan perhatian kepada segelintir kanak-kanak sahaja, tetapi usaha penganjur bengkel ini adalah tepat pada masanya kerana ianya sejajar dengan hasrat Perhimpunan Bangsa-Bangsa Bersatu yang membincangkan Konvensi Mengenai Hak Anak di persidangan khas pada bulan September yang lalu.

Anak angkat sebagai golongan yang terpaksa berpisah daripada keluarga kandung turut memerlukan perlindungan dan pembelaan. Mereka yang sudah dewasa hendaklah turut tampil ke muka dan melibatkan diri dalam segala usaha menentukan kesejahteraan golongan kanak-kanak yang lebih muda, lemah serta memerlukan pertolongan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

12. Dengan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan sekalian, saya percaya bengkel ini akan dapat memberi kesempatan kepada kita semua berbincang dan mengemukakan syor-syor yang boleh menjadi panduan kepada mereka yang sedang berusaha menjamin masa depan anak angkat di Malaysia. Dengan ini saya dengan sukacitanya membuka Bengkel Pengangkatan Ke Arah Keluarga Bahagia dengan rasminya.